

Larian amal kumpul dana RM10,000

SINAR HARIAN (AKTIVITI) m/s 43 2 OKT 2016

KUANTAN - Larian Amal Universiti Malaysia Pahang (UMP) Splash Run '16 anjuran Jabatan Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) yang disertai lebih 1,000 peserta terdiri daripada mahasiswa, badan korporat dan komuniti setempat, berjaya mengumpul dana berjumlah RM10,000.

Naib Canselor UMP, Professor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, penganjuran kali pertama itu mendapat sambutan luar biasa kerana hasrat UMP adalah untuk mencari dana bagi mengisi Tabung MyGift.

"Dana berjaya dikumpul akan digunakan sepenuhnya untuk membantu pelajar kurang berkemampuan yang menuntut di universiti ini.

"Program ini turut mempromosi



Daing Nasir (berdiri, empat kiri) bersama pemenang Larian Amal UMP Splash Run '16 di UMP Gambang.

gaya hidup sihat dalam kalangan pelajar dan warga kampus," katanya.

Daing Nasir berkata, UMP akan menjalankan usaha berterusan bagi mengumpul dana Tabung MyGift un-

tuk kebajikan pelajar dalam menjadikan UMP sebagai universiti komuniti sekaligus mendapatkan sumbangan endowmen untuk keperluan pelajar berprestasi tinggi.